

# Permasalahan Sosial Masa Kini

# Kenakalan Remaja

*Mardzelah Makhsin*  
&  
*Mohamad Fadhli Ilias*

## **Biodata**

**MARDZELAH MAKHSIN**  
iala Ketua Unit Sains  
Pemikiran dan Etika, Jabatan  
Pengajian Umum, Fakulti  
Sains Kognitif Pendidikan,  
Universiti Utara Malaysia,  
(UUM).

**MOHAMAD FADHLI ILIAS**  
ialah Dekan Usuluddin, Institut  
Pengajian Tinggi Islam Perlis.

## PENDAHULUAN

MASALAH tingkah laku remaja terutamanya kenakalan juvana adalah satu gejala sosial yang dianggap serius dan tergolong dalam perlakuan yang telah ditafsirkan dan diperakukan sebagai melakukan kesalahan jenayah. Perangkaan bagi kes jenayah juvana membabitkan belia berusia 18 tahun ke bawah menunjukkan peningkatan iaitu 3,626 kes pada tahun 2000 berbanding 3,077 kes pada tahun 1999. Kenakalan remaja berlaku daripada sekecil-kecil kesalahan seperti ponteng sekolah, tidak menghormati guru, ibu bapa dan orang tua seterusnya pergaulan bebas antara lelaki dan perempuan sehingga berlaku bersekedudukan, rogol, mengandung tanpa nikah, lepak menonton video lucah, terlibat dengan dadah, mencuri, merompak, buli dan membunuh. Sebagai contoh, pada 29 Mac 2004 seorang pelajar

tingkatan empat Sekolah Menengah Agama Datuk Klana Petra Maamor, Ampangan, Negeri Sembilan, Muhammad Farid Ibrahim, 16, telah dibelasah oleh sekumpulan pelajar senior di asrama sekolah tersebut sehingga menyebabkan kematiannya. (*Utusan Malaysia*, 30 Mac 2004)

Malahan fenomena kemerosotan disiplin pelajar sekarang berada di tahap membimbangkan. Daripada keseluruhan tujuh juta pelajar seluruh negara, kira-kira 76,300 pelajar atau 1.09 peratus terbabit dalam pelbagai masalah disiplin seperti vandalisme, bulisme, samseng sehingga yang paling serius mencedera dan membunuh. (*Berita Harian*, 8 September 2003). Walaupun kelihatan kecil jumlah daripada nisbahnya, namun tidak bermakna gejala ini masih 'selamat', boleh dipandang ringan dan dijamin tidak membiak. Ia seolah-olah membuka pintu untuk golongan pelajar remaja lain 'mencuba nasib' mereka. Statistik jenayah remaja dari tahun 1994-1995 menunjukkan seramai 21,000 pelajar remaja ditangkap meliputi kes bunuh, ugut, samun, rogol, curi, pecah rumah, judi, senjata bahaya, dadah, rasuah dan lain-lain kesalahan delinkuen (Adnan Abu Bakar 1999).

Secara keseluruhannya golongan pelajar remaja yang terlibat dalam gejala devian menggambarkan ketidakupayaan mereka untuk mengatasi masalah atau cabaran. Cabaran-cabaran itu sebahagiannya berupa tekanan sosial, psikosial, ekonomi dan keluarga dan kemungkinan juga lemah dengan sifat batin yang merupakan aspek penting dalam pembentukan akhlak. Justeru, semua pihak merasa bertanggungjawab dan terpukul di atas insiden-insiden yang berlaku kebelakangan ini terutama institusi pendidikan, Kementerian Pendidikan, ibu bapa, NGO, institusi keagamaan dan penanggung beban terakhir iaitu Jabatan Kebajikan Masyarakat. Masing-masing tampil mengemukakan agenda penyelesaian.

Akhir-akhir ini fenomena delinkuen membabitkan golongan pelajar remaja 'cemerlang' dari Kolej Melayu Kuala Kangsar (MCKK) dan 20 pelajar Sekolah Tuanku Abdul Rahman (STAR) pada Ogos 2003 lalu, nampaknya menimbulkan suasana perbinca-

ngan yang lebih komplikated. Tahun 2003 sahaja pelbagai kesalahan pelajar sekolah dilaporkan berlaku. *Berita Harian* 2 September 2003 mengesahkan 20 orang pelajar Sekolah Menengah Teknik Batu Pahat digantung persekolahan kerana memukul pelajar junior Mohd. Hafizi, 20 orang pelajar tingkatan lima Sekolah Tuanku Abdul Rahman disingkir kerana menghidupkan kegiatan ala samseng 'High Council', 2 pelajar Kolej Melayu Kuala Kangsar menunjukkan parang kepada warden asrama pada 18 Ogos 2003, kes pukul seorang pelajar tingkatan empat seorang anak ahli Parlimen dan lain-lain kes delinkuen lagi. Malah dalam kes dadah sahaja, statistik Agensi Dadah Kebangsaan (ADK) tahun 2003 menunjukkan bahawa seramai 12,204 pelajar telah terjebak merangkumi sekolah rendah, menengah dan pusat pengajian tinggi.

Kenyataan yang tidak dapat dinafikan dan mungkin tidak disedari oleh semua pihak ialah apa-apa yang sedang berlaku pada golongan pelajar ini mempunyai hubungan dengan *networkingnya* iaitu diri pelajar sendiri, ibu bapa, guru, rakan dan persekitaran dan saling perkaitan antara *variable* tersebut. Malah mentaliti kebanyakan remaja masa kini yang ingin kelihatan bergaya gagal untuk menolak pengaruh negatif rakan sebaya dan media massa. Keinginan dilihat sebagai moden menyebabkan kebanyakan daripada mereka dengan mudahnya menerima cara hidup bebas, melanggar norma-norma sosial dan melakukan jenayah. Selain daripada itu, kekurangan mentaliti rasional terhadap persekitaran juga mendedahkan golongan ini kepada risiko-risiko jenayah. Kekurangan perhatian dan kasih sayang daripada keluarga juga memainkan peranan penting dalam menyumbang kepada salah laku di kalangan para remaja ini. Pada tahap umur begini, mereka amat terdedah kepada pelbagai krisis identiti dan budaya yang melingkungi persekitaran mereka. Oleh itu, bimbingan dan pedoman adalah elemen terpenting untuk mensosialisasikan mereka agar menjadi generasi transisi yang berguna.

Sekiranya pada realiti remaja 'lemas' dan gagal bergerak secara positif sealiran dengan pembangunan, bagaimanakah mereka dapat

menyediakan diri mereka untuk menyahut cabaran Wawasan 2020? Oleh itu, untuk kesejahteraan negara pada masa hadapan, segala tingkah laku negatif golongan ini bukan sahaja harus dikaji; malah yang lebih penting ialah diperbetulkan. Ini kerana pembangunan fizikal dan kemajuan material sekiranya tidak diselaraskan dengan pembangunan rohani akan menimbulkan pelbagai masalah sosial yang kronik.

Apabila remaja mempunyai mentaliti dan keupayaan rasional yang rendah, mereka akan menerima bulat-bulat segala anasir negatif yang disogokkan kepada mereka. Ini merupakan ancaman kepada kesinambungan kemajuan bangsa dan negara. Sekiranya ancaman ini berterusan, nampaknya remaja tidak ada harapan untuk menjadi barisan pelapis menggantikan pemimpin negara yang ada sekarang. Memandangkan remaja harus menyahut cabaran dan menjadi penentu masa depan negara, maka kajian ke atas segala permasalahan perlakuan salah laku sosial golongan remaja ini adalah perlu. Tanpa remaja menjadi tiang yang kukuh sudah tentu harapan Malaysia untuk menjadi negara maju pada tahun 2020 hanya akan menjadi impian kosong sahaja.

### DEFINISI REMAJA

Zaman remaja adalah satu tempoh peralihan antara zaman kanak-kanak dengan zaman dewasa. Secara kasar, zaman remaja yang bermula dengan fenomena baligh dan berakhir dengan pencapaian kematangan fizikal membabitkan tempoh masa lebih kurang tujuh tahun, iaitu dari umur 12 tahun hingga 18 tahun. Zaman remaja merupakan zaman persediaan untuk memasuki dunia dewasa. Pada zaman itu, remaja sudah tidak lagi dianggap sebagai kanak-kanak yang biasanya mendapat layanan yang agak istimewa, dan pada masa yang sama, mereka masih belum diterima sebagai orang dewasa yang mempunyai autoriti dan autonomi yang tertentu. Kenyataan ini telah dijelaskan oleh Erikson (1963) bahawa pada zaman remaja, seseorang remaja berhadapan dengan satu

cabaran kritis iaitu pembentukan dan pengembangan.

Siapakah remaja? Rata-rata, mengikut takrifan dalam pelbagai kamus, remaja membawa maksud seseorang yang mulai dewasa, sudah akil baligh atau muda. Dari segi usia pula, remaja dianggap berumur antara 10 hingga 19 tahun. Dari sudut psikologi, zaman remaja adalah satu jangka masa peralihan yang berlanjutan daripada alam kanak-kanak kepada peringkat dewasa yang penuh dengan konflik kehidupan (Mahmood 1990). Oleh itu, remaja harus dilihat dari segi satu tempoh peralihan yang panjang, yang mana perjalanannya tidak semestinya bebas daripada tekanan dan pelbagai halangan konflik kehidupan (Chais, 1976).

Pada peringkat remaja, seseorang individu mengalami perubahan yang amat pesat sekali, sama ada dari segi fizikal, emosi mahupun sosial. Pada zaman inilah para remaja mula terdedah kepada alam luas di luar rumah, malah persekitaran ini sudah merupakan rumah kedua kepada mereka. Remaja juga belajar banyak perkara yang tidak semuanya datang daripada ibu bapa tetapi kebanyakannya daripada persekitaran sosial yang mana ia membesar. Pada tempoh-tempoh inilah para remaja mula mengubah tingkah laku, sikap dan nilai, malahan seluruh cara hidup daripada alam kanak-kanak kepada alam yang lebih matang dan dewasa (Bettelheim, 1950).

Sering juga diperkatakan bahawa remaja adalah kumpulan masyarakat yang bakal mencorakkan masa depan negara. Kenyataan ini tidak boleh kita nafikan. Mereka adalah aset kekayaan semula jadi yang bakal memegang peranan penting dalam politik, ekonomi dan kemasyarakatan di negara ini. Namun demikian, masalah akhlak di kalangan remaja adalah salah satu daripada ancaman kepada sumber tenaga manusia yang akan merugikan negara dalam jangka masa panjang. Oleh itu segala masalah sosial yang dihadapi oleh para remaja harus dibendung dan diatasi supaya ia tidak terus mewujudkan ancaman besar terhadap aset yang tidak ternilai ini.

Secara perundangan tidak terdapat definisi khusus dan konsis-

ten mengenai remaja, Akta Pekerjaan Kanak-kanak dan Orang Muda 1996. (*Children And Young Person Employment Act 1966*), mentakrifkan seorang kanak-kanak ditakrifkan mereka yang berada dalam lingkungan umur 10 hingga 14 tahun, sementara 'orang muda' (*young person*) adalah terdiri di kalangan mereka berumur antara 14 hingga 16 tahun. Sementara Akta Pengangkatan 1952, seorang kanak-kanak didefinisikan di kalangan mereka yang berumur di bawah 21 tahun. Dalam Akta Pendaftaran Pengangkatan 1952, kanak-kanak ditakrifkan mereka yang di bawah 18 tahun. Akta Mahkamah Juvana 1947 pula mentakrifkan kanak-kanak sebagai mereka yang berada di bawah umur 18 tahun dan *The age of criminal responsibility* diletakkan pada tahap umur 10 tahun. Akta Perlindungan Kanak-kanak 1991 pula mentakrifkan kanak-kanak kepada mereka yang berumur 18 tahun ke bawah. Jelas di sini setiap akta yang melibatkan segolongan besar kaum remaja tidak mentakrifkan kumpulan ini khusus. Dalam kita membicarakan masalah remaja ini amat perlu ditumpukan di kalangan mereka yang berada di antara umur 21 tahun ke bawah yang pada kebanyakannya masih di alam persekolahan dan pendidikan.

Remaja ialah satu tempoh atau fasa perkembangan manusia daripada kanak-kanak ke orang dewasa. Titik pemisahan ialah peringkat baligh. Dalam peringkat remaja, perubahan ketara ialah perkembang fizikal mereka. Namun begitu, aspek intelek dan sosialnya juga berkembang dengan pesat. Mengikut Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO), ada tiga peringkat umum remaja, iaitu remaja awal (< 14 tahun), remaja pertengahan (16-17 tahun) dan remaja akhir (18-20 tahun) bagi lelaki dan 19-20 tahun bagi perempuan.

### Remaja Awal

Pada peringkat ini, remaja mula mencuba-cuba unsur baru seperti bergiat dalam aktiviti yang meningkatkan kemahiran. Pada masa yang sama, remaja cuba menyesuaikan diri dan perilakunya sesuai dengan bentuk tubuh badan yang baru kerana pembesaran

fizikal dan kematangan yang ketara. Remaja cuba menyesuaikan diri dengan kehendak rakan sebaya seperti mereka berkelompok bersama kawan-kawan sebaya untuk mencuba aktiviti baru. Pada masa ini, keinginan dan kematangan seksual semakin bertambah. Jadi mereka mula mencuba membaca buku berbentuk seksual dan mula berjinak-jinak dengan jantina jenis lain dan mula berenggang dengan kawan sejenisnya.

### **Remaja Pertengahan**

Mereka lebih nyata sebagai remaja dan mula membangunkan kemahiran berfikir yang baru. Namun begitu rakan sebaya masih lagi memainkan peranan penting sebagai tempat berkongsi rahsia dan perlindungan. Tetapi secara amnya, mereka lebih mengutamakan diri sendiri. Mereka juga mempunyai tenaga dan peranan yang baik, tetapi jika persekitaran mereka negatif kemungkinan mereka akan terlibat dalam kegiatan negatif, seperti penagihan dadah, alkohol, seks bebas, lari dari rumah dan sebagainya.

### **Remaja Akhir**

Pada umur 18-20 tahun, mereka membuat persediaan akhir untuk menjadi orang dewasa. Mereka mula mengenal pasti bakat dan pilihan kerjaya mereka untuk masa hadapan. Remaja pada peringkat ini mula membentuk identiti sendiri yang lebih ketara lagi dan mula mengasingkan diri daripada rakan sebaya. Banyak juga daripada mereka yang boleh berdikari tanpa ibu bapa kerana peralihan ke peringkat dewasa sudah hampir lengkap.

## **DEFINISI MASALAH SOSIAL**

Apakah yang sebenarnya dimaksudkan dengan masalah sosial? Secara umumnya masalah sosial adalah sesuatu yang merangkumi berbagai-bagai perlakuan negatif anggota masyarakat yang tidak membawa sokongan dan keuntungan kepada kekuatan sistem dan struktur ekonomi yang diamalkan oleh sesuatu masyarakat, komu-

niti ataupun negara. Secara makronya, di suatu peringkat pertumbuhan ekonomi, kemiskinan dan lain-lain faktor penghasilannya yang negatif dilonggok sebagai masalah sosial dan kadangkala juga sebagai masalah ekonomi. Begitu juga dengan proses inter dan intra penghijrahan dan perbandaran, yang sering kali dikaitkan dengan kemiskinan di bandar, kejutan budaya dan jurang pencetus utama kepada pelbagai masalah sosial dan sering kali juga dikaitkan sebagai *variable* kepada *economic dysfunctioning*. Sehubungan ini faktor ekonomi mendahului perkiraan masalah sosial dan dinilai-rikakan dalam bentuk keberkesanan jentera pengurusan ekonomi untuk berfungsi dan berkembang. Kegagalan faktor ini digunakan sepenuhnya dan dikaitkan dengan pelbagai perlakuan deviansi sosial yang tidak bersesuaian dengan perubahan semasa yang berteraskan kepada norma, nilai serta *mores* masyarakat majoriti, ia dikategorikan kepada masalah sosial. Tidak juga terdapat suatu pentakrifan masalah yang berlandaskan kepada petunjuk statistik yang dapat membantu dari segi pemahaman dan peninjauan sejauh mana masalah sosial ini berlaku dan apakah ia sebenarnya wujud dari segi petunjuk angka atau statistik. Tanda pengukur ini masih belum lagi dijadikan pendekatan yang boleh membantu dalam pencerakinan sebenar masalah sosial. Apakah kriteria yang digunakan untuk mengukur tahap keruncingan sesuatu masalah.

Kita telah berjaya mengukur pencapaian pengurangan kemiskinan misalnya daripada angka 47% dalam tahun 70-an kepada kurang 10% menjelang tahun 2000. Pada tahun 1995 kadar kemiskinan secara amnya berada pada tahap 9.6%. Apakah boleh diukur pencapaian penyelesaian masalah sosial dengan tahap angka petunjuk daripada 100:10,000 penduduk kepada 10:10,000 kes pembuangan bayi setahun pada tahun 2020 misalnya? Ataupun digunakan sahaja kayu pengukur agama dan etika yang terus menghukum sesuatu perlakuan mengikut lunas-lunas keagamaan etika sosial keseluruhannya. Dalam kaedah ini seseorang itu seharusnya mengikut norma kehidupan yang telah ditetapkan dan sesuatu itu perlu berkeadaan paling bersih dan menepati ungkapan

putih lagi putih dan bersih lagi bersih ataupun *whiter than white* dan sikap berlandaskan *holier than thou*. Justeru, terdapat kini cetusan pelbagai masalah sosial yang menepati definisi tersebut dalam bentuk, kenakalan remaja, pembuangan bayi, kehamilan remaja, budaya lepak yang dikaitkan dengan wujudnya *sub culture* di kalangan remaja dalam bentuk bohjan, bohsia, perlumbaan motosikal haram dan sebagainya.

Masalah sosial dalam konteks perancangan makro dan juga mikro, boleh diertikan suatu keadaan sosial yang mempunyai kesan negatif ke atas pertumbuhan ekonomi dan pembangunan sesebuah negara. Perlakuannya menyebabkan *economic dysfunctioning*. Dari sudut sosial pula ia menyebabkan peningkatan kos sosial yang sekali gus menjejaskan pengimbangan pembangunan yang menjadi teras Dasar Perancangan Negara sebagaimana dalam ungkapan RMK7;

*"It is important to maintain harmony between the material and spiritual aspects of development. Material development alone at the expense of spiritual needs on one hand, or religious extremism on the other will be detrimental to the development of Malaysian society. The universal values found in Islam together with similar values in other faiths, such as trustworthiness, moderation, responsibility, sincerity, diligence, dedication and discipline are keys towards enhancing peace and prosperity in the country ..."*

Persoalan masalah sosial umumnya dilihat dari perspektif nilai yang diterima pakai umum dan perlakuan devian yang diamalkan; oleh mereka yang terlibat. Sesuatu perlakuan itu dikaitkan dengan masalah sosial sekiranya tidak menepati nilai dan ketertiban kelakuan yang umum menerima pakai. Sehubungan ini suatu definisi operasi masalah sosial ialah perlakuan yang menyimpang daripada norma dan *mores* masyarakat umum. Dalam konteks negara pula ia perlu diasaskan Perlembagaan Negara, Rukunegara, Wawasan 2020 dan pelbagai lagi dasar perancangan negara yang telah dipersetujui ramai dan menjadi pegangan hidup dan budaya

rakyat negara ini.

Secara makro masalah sosial boleh dinilai dan juga didefinisikan dalam konteks sosioekonomi dan tidak seharusnya dari perspektif sosial semata. Masalah yang berkaitan dengan *economic dysfunctioning* seperti kemiskinan, pengangguran dan juga penghijrahan sama ada *inter* dan *intra urban* juga mampu dilihat sebagai masalah sosial di samping ia dilihat sebagai faktor pendorong kepada pelbagai lagi masalah yang dihasilkannya. Pada tahap kedua pula, perlu dilihat perlakuan sosial devian dalam bentuk, kenakalan remaja, pelacuran, keretakan dan keganasan rumah tangga, penjenayahan dan juga pelbagai lagi masalah yang berbentuk *derivatives* daripada masalah primer sosial iaitu kemiskinan, pengangguran dan penghijrahan. Oleh itu masalah sosial yang diperkatakan pada hari ini lebih berbentuk sekunder dan merupakan isu-isu dalam pembangunan. Pada tahap *tertiary* pula masalah sosial boleh dertikan sebagai pemupukan perpaduan antara kaum di negara yang pelbagai kaum dan agama ini. Oleh itu dari sudut perancangan sosial dan khususnya perancangan bandar dan desa permasalahan yang diperkatakan pada hari ini perlu ditangani menerusi kaedah yang melibatkan perubahan struktur fizikal juga sosial di samping mengambil kira berlakunya penyesuaian sistem ke atas kemudahan struktur yang mungkin berlaku.

#### HUBUNG KAIT MASALAH SOSIAL DAN REMAJA

Sering kali masyarakat kaitkan masalah sosial dengan masalah remaja. Ia seolah-olah sinonim dan mempunyai pertalian simbiotik dan kadangkala membawa kepada suatu pemikiran yang *monolithic*. Sekiranya sebagai formula matematik kuantum remaja adalah bersamaan masalah sosial. Remaja bersamaan bohan bersamaan bohsia dan bersamaan keruntuhan moral dan disiplin. Sehubungan itu juga apa-apa faktor, elemen dan juga *variable* yang mempengaruhi persekitaran perlakuan remaja disamaertikan kepada pendorong perlakuan tersebut. Dalam konteks ini semua tahap

perkembangan remaja dipersalahkan dan terus dipersoalkan yang sekali gus meliputi ibu bapa, sekolah, keluarga, institusi-institusi sosial yang lain, komuniti dan juga kerajaan. Tidak ada yang terlepas dalam hal ini. Masing-masing menuding jari dari perspektif yang agak negatif untuk mendedahkan kesalahan dan kelemahan sesuatu pihak.

Tidak ramai yang berani mendedahkan kelemahannya sendiri dan bertanggungjawab kepada sumbangan yang diberikan kepada trend perlakuan sosial yang negatif ini. Paradigma pemikiran dalam konteks ini tidak banyak berubah daripada pemikiran atau *mindset* yang mempengaruhi bahan penulisan sastra Melayu tahun 50-an atau 60-an di mana isu moral dilihat dari kaca mata yang *simplicistic* iaitu benar dan salah, jahat dan baik, susah dan senang. Tidak ada *grey area* dalam pemikiran seperti ini dan jika wujud kekaburan ia mungkin dipinggirkan oleh kerana tidak berupaya untuk disamakan dengan gerak fikir dan tindakan yang mungkin boleh mengecilkan lagi jurang dualisme penilaian ini. Trend pemikiran seperti ini jika tidak dibendung akan terus membiakkan suasana cemas dan negatif dalam usaha kita menilai profil dan tahap keruncingan masalah yang kita hadapi. Kadangkala pendekatan seperti ini akan menyebabkan kita kehilangan punca untuk mengenal pasti antara penyakit sebenar dan simptom sesuatu penyakit. Menyedari hakikat ini pendekatan yang seharusnya diambil oleh semua yang terlibat dalam menangani masalah sosial di kalangan remaja ini seharusnya bercorak terbuka, positif dan jujur. Penilaian diri di kalangan semua pihak yang terlibat secara ikhlas dan jujur juga perlu dijadikan asas pendekatan yang penting untuk memastikan keberkesanan program yang dilaksanakan dan juga tidak seharusnya dijadikan sekadar tugas jabatan atau sesuatu organisasi yang perlu dijalankan. Tahap etika profesional yang tinggi dan keberanian untuk berterus terang dan sanggup bertanggungjawab di kalangan mereka yang terlibat merupakan ramuan penting untuk tidak ia berkesudahan sebagai retorik semata. Di pihak kerajaan pewujudan sebuah Jawatankuasa Kabinet yang dipengerusikan sendiri oleh

Timbalan Perdana Menteri membuktikan komitmen dan kesungguhan yang nyata dalam hal ini dan tidak seharusnya dipandang ringan dan dikesampingkan.

### FAKTOR YANG MENYEBABKAN KENAKALAN REMAJA

Masalah sosial dan jenayah yang membabitkan kalangan remaja semakin meningkat dan membimbangkan kerana sekolah merupakan institusi sosial semakin renggang hubungannya dengan masyarakat setempat. Banyak masalah di kalangan remaja dan masalah masyarakat dengan sekolah khususnya yang bersabit dengan hal-hal peribadi di kalangan remaja dan hal pendidikan masyarakat setempat tidak dapat ditangani dengan berkesan oleh sekolah. Pengasingan sekolah daripada masyarakat semakin menjadidi-jadi berikutan daripada tindakan yang diambil oleh pihak sekolah menguatkuasakan perintah dan amaran-amaran keras yang dikenakan oleh pihak sekolah terhadap ibu bapa yang dianggap sebagai penceroboh kawasan sekolah. Hubungan yang terlampau formal yang dikuatkuasakan oleh pengetua atau guru besar di sesetengah sekolah menjadikan sekolah seolah-olah satu institusi sosial yang rigid. Ini menyebabkan banyak konflik dan masalah yang timbul di antara pihak sekolah, murid, ibu bapa dan masyarakat setempat dengan sekolah tidak dapat diselesaikan dengan berkesan. Dalam banyak hal, masyarakat setempat tidak dapat bekerjasama dengan pihak sekolah bagi membanteras sebarang bentuk gejala sosial dan jenayah yang berlaku sama ada di dalam sekolah mahupun di luar sekolah.

Punca pencemaran budaya muda-mudi atau para remaja boleh dilihat dari pelbagai sudut. Antaranya berpunca daripada masalah hubungan rakan sebaya. Rakan sebaya di alam persekolahan adalah kumpulan rujukan para remaja yang memberi sokongan moral kepada muda-mudi dalam mencari identiti diri dan pembentukan imej mereka (Pomberi, 1990). Rakan sebaya memberi peluang kepadanya untuk mengikut (*conform*) standard kumpulan itu dalam

aspek-aspek pakaian, pergaulan, pertuturan, orientasi kepada muzik, tarian dan lain-lain. Masalahnya timbul apabila pendedahan semacam ini hanya merangkumi nilai-nilai yang buruk dan bukan yang baik yang seterusnya membawa kepada keruntuhan disiplin dan moral mereka. Kajian Rowe dan Flannery, (1994) mengenai delinkuens remaja dan rakan sebaya menunjukkan tingkah laku delinkuens ini mungkin dipelajari bersama-sama dengan rakan sebaya.

Manakala mengenai remaja yang tinggal jauh daripada keluarga biasanya mereka tinggal bersama rakan-rakan sebaya yang walaupun sama-sama berasal dari kampung tetapi disebabkan keketatan akal kerana umur yang muda itu menyebabkan mereka lebih banyak bertindak mengikut hati dan perasaan dan bukannya mengikut pertimbangan akal yang waras (Farrington, 1990). Ketiadaan ibu bapa dan ahli masyarakat kampung yang selama ini adalah 'pengawal' bagi mereka, memberikan satu bentuk kebebasan untuk lebih mudah mengikut telunjuk hati dan perasaan.

Daripada data dan statistik yang dibentangkan, secara umumnya trend menunjukkan bahawa keruntuhan akhlak dan disiplin kalangan remaja masih berada pada paras yang tinggi. Keruntuhan akhlak remaja boleh dilihat dari pelbagai sudut dan banyak puncanya. Langkah mengenal pasti masalah ini adalah penting kerana hanya dengan mengetahui punca-punca masalah tersebut, strategi penyelesaian yang berkesan untuk mengatasi masalah tersebut boleh diatur dengan rapi.

### **Hubungan Kekeluargaan**

Keruntuhan disiplin akibat daripada keadaan celaru dalam keluarga sendiri juga yang merupakan satu unsur kuat yang mempengaruhi jiwa muda-mudi. Kajian Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN) mendapati bahawa kerenggangan hubungan kekeluargaan menjadi punca utama remaja terjebak ke kancah maksiat.

Sindrom kurang perhatian ibu bapa terhadap remaja jelas kelihatan di bandar-bandar terutama sekali bagi ibu bapa bekerja.

Kajian yang dibuat oleh Universiti Chicago (Czikszenmihalyi, 1987) mendapati purata masa yang dikongsi oleh remaja dengan ibu bapa mereka hanya 12 jam seminggu, yang mana kebanyakan daripada masa itu ialah ketika waktu makan dan menonton televisyen. Akibatnya remaja merasa kesunyian dan kurang motivasi diri. Remaja lebih senang mendampingi rakan sebaya daripada keluarga sendiri, kerana ibu bapa tidak ada masa untuk menasihati anak-anak supaya mengulang kaji pelajaran, jarang melihat prestasi anak-anak meneliti siapakah teman-teman anak mereka, pergerakan anak-anak dan sebagainya. Mereka menyerahkan hal-hal ini semata-mata kepada guru ataupun pembantu rumah untuk diuruskan.

Kajian Young, Jensen, Olsen dan Cundick (1991), mendapati bahawa perhubungan remaja dalam soal seks secara bebas berlaku apabila ibu bapa jarang berada di dalam rumah. Dapatan kajian mereka yang mengenal pasti struktur keluarga yang mempunyai ibu dan bapa mencatatkan kadar peratusan remaja yang terlibat dengan hubungan seks sebelum kahwin adalah lebih rendah jika dibandingkan dengan struktur keluarga yang hanya mempunyai ibu atau bapa sahaja (*single parenting*). Ini disebabkan kehadiran ibu bapa akan memberikan sokongan emosi atau kestabilan kewangan dan panduan yang diperlukan oleh anak remaja.

Apabila berlaku trend yang sedemikian muda-mudi mula menyoal kebenaran nilai-nilai hidup orang dewasanya dan seterusnya nilai masyarakat (Young, Jensen, Olsen & Cundick, 1991). Konflik berlaku apabila wujud perbezaan di antara apa yang dinyatakan oleh orang dewasa dan apa yang dilakukan oleh mereka sendiri. Contoh baik di sini ialah apabila seorang bapa atau guru yang melarang anak remaja itu daripada merokok sedangkan mereka melakukannya sendiri. Di manakah agaknya prinsip 'keimpinan melalui teladan'?

Ibu bapa merupakan orang utama yang memberi didikan kepada anak-anak. Merekalah yang menentukan sama ada kehidupan anak mereka itu bercorak 'hitam atau putih'. Oleh kerana keadaan ibu bapa sendiri tidak memainkan peranannya dalam memberikan

pendidikan kepada anak-anak, maka apabila mereka membesar mereka menjadi tidak berdisiplin. Ini mungkin disebabkan ibu bapa terlalu sibuk atau tidak bersefahaman dengan anak remaja. Contohnya, apabila bapa bertindak keras dalam mendisiplinkan anak, ibu akan berpihak sebelah anak dan sebaliknya. Ia akan mengakibatkan anak susah untuk menilai kehendak ibu bapa mereka.

Kadangkala ibu bapa terlalu sibuk dengan urusan masing-masing dan tidak mempunyai masa untuk berdamping dengan anak-anak mereka atau benar-benar mengetahui serta mendengar masalah-masalah anak tersebut. Sesetengah ibu bapa pula berpendapat sekadar menyediakan keperluan persekolahannya, kewangan dan keperluan asas yang lain sudah mencukupi untuk membesarkan anak yang berdisiplin dan berilmu. Ini adalah tidak tepat sama sekali.

Salah satu faktor yang boleh dikaitkan dengan keruntuhan akhlak remaja ialah penglibatan mereka dalam jenayah. Remaja atau pelajar secara khususnya yang terlibat dalam jenayah bukan sahaja datang daripada keluarga yang susah kehidupannya, malah sebilangan signifikan adalah di antara mereka yang mempunyai latar belakang, keluarga yang baik dan berada (Phelps, 1976; Cohen, 1975).

Justeru, boleh diandaikan bahawa salah satu punca keruntuhan akhlak ialah kemerosotan dari segi asuhan, didikan, bimbingan dan kawalan oleh ibu bapa atau penjaga. Tekanan hidup, kesibukan kerja, mengejar kemewahan serta aktiviti sosial, menyebabkan ibu bapa dan anak kurang mempunyai masa atau kesempatan untuk bercakap, berbincang, berdamping antara satu sama lain, dan malah jarang berpeluang bersua muka. Ibu bapa tidak dapat memberi asuhan dan didikan, sementara remaja itu pula tidak mendapat perhatian, bimbingan dan panduan hidup sempurna (Bettelheim, 1950; Redl, 1966). Remaja itu akan membawa cara hidup bersendirian.

Keluarga yang terlalu mewah cara hidupnya juga menyebabkan keruntuhan disiplin anak remaja. Sebagai contoh, ibu bapa yang terlalu memanjakan anak-anak kerap memberikan wang saku yang ter-

lalu banyak. Ini menyebabkan mereka mudah dipengaruhi oleh remaja lain untuk bersuka-suka. Kesan pergaulan bebas dan terpengaruh dengan rakan-rakan sebaya yang rosak akhlak akan memburukkan lagi keadaan. Juga sikap ibu bapa yang tidak mengambil berat tentang kelakuan dan pergaulan anak remaja mendorong mereka kepada akhlak yang rosak. Remaja yang terdedah terlalu awal kepada alam masyarakat yang mempunyai sikap yang kompleks tanpa bimbingan mencukupi daripada ibu bapa juga merupakan salah satu faktor keruntuhan akhlak mereka (Phelps, 1976; Dass, 1992).

Antara punca-punca lain keruntuhan akhlak remaja yang berkaitan dengan hubungan kekeluargaan ialah alam rumah tangga yang tidak teratur, perpisahan ibu bapa, pertengkaran yang kerap berlaku dalam keluarga, keadaan sosioekonomi yang sempit, suasana rumah tangga yang tidak harmonis dan tenteram dan ketidakupayaan pihak penjaga mengawas pendidikan anak-anaknya boleh menyebabkan remaja rosak akhlak.

Justeru, sebagai ibu bapa dan anggota masyarakat yang bertanggungjawab, kita patut mempunyai kewajipan dan peranan yang besar untuk merancang aktiviti, memberikan peluang dan bimbingan serta menyediakan pelbagai kemudahan supaya golongan remaja mendapat panduan yang cukup untuk menghadapi zaman dewasa mereka.

Dalam faktor sosial, peranan ibu bapa amat penting dalam mendidik anak-anak. Kebanyakan ibu bapa bekerja kerana wujudnya perubahan sosial hari ini. Ada kalanya mereka terlalu mementingkan pekerjaan daripada memberi perhatian kepada anak-anak. Mereka cuba memuaskan hati anak-anak dengan hanya memberikan keselesaan dan kemewahan kebendaan tanpa kasih sayang dan masa untuk bersama-sama anak-anak. Mereka lupa bahawa anak-anak juga memerlukan perhatian untuk mendapat maklumat dalam kehidupan seharian. Dari situ anak-anak akan terasa terbiar tanpa kasih sayang dan jagaan yang sempurna. Mereka bercampur dengan rakan sebaya yang bermasalah dan akhirnya menimbulkan masalah disiplin pada pihak sekolah.

Ada juga ibu bapa yang tidak menghiraukan anak-anak mereka walaupun pihak sekolah ada memberitahu mereka tentang masalah disiplin anak-anak di sekolah. Anak-anak ini mengambil peluang daripada sikap acuh tidak acuh ibu bapa mereka untuk bertindak lebih buruk lagi di dalam dan luar sekolah. Akhirnya mungkin pihak polis terpaksa campur tangan dalam hal ini. Jadi, adalah tidak tepat jika meletakkan masalah disiplin di bahu guru sahaja sedangkan pihak ibu bapa cuma melepaskan tangan dalam hal ini.

Kajian yang dibuat oleh Nabil dalam artikel Mohd. Tajudin (1995) yang berkaitan dengan faktor keluarga menyimpulkan beberapa perkara yang tidak dititikberatkan oleh ibu bapa iaitu ibu bapa adalah orang yang bertanggungjawab untuk mencorakkan anak mereka. Guru hanya dapat meluangkan masa selama lima atau tujuh jam seminggu. Mereka juga terpaksa mengawasi sebuah bilik darjah yang sesak yang mana kadangkala terdapat 40 hingga 50 pelajar dalam sebuah kelas. Ini menyebabkan guru tidak dapat membuat perhubungan interpersonal dengan setiap pelajar di dalam kelas itu.

Terdapat ibu bapa yang terlalu manjakan anak mereka sehingga tidak dapat membezakan betul atau salah. Ibu bapa lebih senang mengunjungi sekolah apabila mendengar cerita anak mereka dirotan oleh guru. Sebilangan besar daripada golongan ini datang ke sekolah seolah-olah guru yang bersalah dan bukan anak mereka yang bersalah. Sikap seumpama ini lebih merupakan salah-menyalah antara satu sama lain tetapi bukan cara untuk menyelesaikan masalah bersama di mana ini akan merumitkan lagi masalah pelajar tersebut. Jika anak mereka tidak dapat membezakan baik dan buruk, jadi ibu bapa sepatutnya membimbing anak mereka dan bukannya menambahkan lagi kesalahan anak mereka.

Berdasarkan pemerhatian, ibu bapa yang berstatus rendah di sekolah luar bandar lebih meredhai tindakan guru kerana mereka memikirkan bahawa tanggungjawab seseorang guru bukan sahaja menyampaikan ilmu, tetapi juga mencorakkan anak mereka agar lebih bertanggungjawab dan berhemah tinggi. Manakala ibu bapa yang berstatus agak tinggi sering sahaja mempersoalkan tindakan guru

kerana anak mereka terlalu dimanjakan di rumah. Mereka lebih cenderung memberi alasan bahawa anak mereka tidak pernah dipukul di rumah. Mereka sepatutnya menyedari tanggungjawab yang berat harus dipikul kerana ibu bapa hanya mengawal beberapa orang atau seorang anak di rumah malah guru perlu menjaga 40 orang pelajar di setiap kelas. Tambahan pula, terdapat ramai guru muda yang tidak mempunyai pengalaman mendidik anak-anak mereka di mana ibu bapa sendiri yang lebih memahami sikap anak mereka.

### **Pengaruh Persekitaran**

Pengaruh persekitaran luaran dan pengaruh media massa juga sentiasa membentuk perilaku para remaja yang masih mentah dalam cabaran hidup. Pelbagai dorongan yang kurang sihat dipaparkan melalui persekitaran ini, yang seterusnya menyebabkan para remaja terikut-ikut dengan pengaruh berkenaan. Lantaran untuk memenuhi keinginan untuk tahu akibat daripada dedahan persekitaran, mereka merayau-rayau di kompleks-kompleks membeli-belah, pusat snuker, pusat permainan video dan sebagainya. Perbuatan seperti ini selalunya mendorong kepada pergaulan yang kurang sihat.

Selain daripada pergaulan yang kurang sihat, remaja juga turut menuntut kebebasan secara melulu daripada ibu bapa. Tuntutan seperti ini juga banyak dipengaruhi oleh media massa (Cohen, 1975). Kemajuan dalam komunikasi mengakibatkan remaja terdedah kepada nilai-nilai baru yang belum pasti baik bagi perkembangan diri mereka. Pengaruh yang negatif ini boleh dilihat daripada majalah-majalah hiburan, buku-buku yang mengandungi unsur-unsur lucu serta radikal, televisyen dan tayangan-tayangan filem Barat. Jika dilihat, kebanyakan akhbar mingguan, majalah hiburan dan buku-buku cerita yang terdapat dalam pasaran sekarang lebih mengutamakan hiburan, keganasan dan fantasi kosong yang boleh mendorong sikap yang negatif seperti suka mengelamun, berfoya-foya, boros dan pelbagai perlakuan antisosial yang lain.

### **Pengaruh di Sekolah**

Selain daripada media, keruntuhan akhlak remaja atau pelajar juga berpunca daripada faktor sekolah atau guru. Keadaan pelajar yang duduk sesak dalam sesuatu bilik darjah yang kecil ukurannya juga boleh mendatangkan masalah tekanan dan disiplin di kalangan mereka (Case, 1985). Begitu juga dengan sikap guru yang mempunyai suara garang dan menggunakan kekerasan mengikut perasaan dalam pengajaran harian. Untuk menyelesaikan masalah disiplin pelajar di sekolah, setiap guru seharusnya menggunakan budi bicara yang luhur di samping tatacara disiplin seluruh yang dikeluarkan oleh Kementerian Pendidikan.

Masalah remaja juga boleh dikaitkan dengan kerjaya. Kebanyakan golongan pelajar atau remaja hari ini tidak faham hubungan di antara pelajaran dengan kerjaya. Akibatnya mereka berada di sekolah semata-mata untuk lulus peperiksaan atau sebab ibu bapa mereka mahu mereka ke sekolah. Secara tidak langsung maka ramailah yang kurang bermotivasi di sekolah. Mereka tidak mempunyai matlamat hidup dan tidak ada rancangan masa depan.

### **Kurang Didikan Agama**

Sebahagian besar pelajar yang menghadapi masalah disiplin terdiri daripada pelajar yang mempunyai latar belakang keluarga yang kurang didikan agama. Ibu bapa mereka sendiri tidak mengamalkan suruhan agama, bercakap dengan anak-anak dengan bahasa yang kasar dan kesat, selalu bertengkar serta tidak mengamalkan tingkah laku yang sihat adalah menjadi contoh kepada anak-anak mereka. Anak-anak ini membawa sikap itu ke sekolah dan bercakap serta bertindak ganas dengan rakan sebaya. Keadaan ini boleh menimbulkan masalah disiplin di sekolah.

### **Pengaruh Budaya Barat**

Wujudnya budaya kuning Barat seperti rap, rockers, budaya lepak, penyalahgunaan dadah dan sebagainya yang menjadi ikutan pelajar secara membuta-tuli tanpa memikirkan akibatnya.

### **Pengaruh Media Massa**

Pengaruh media massa seperti radio, televisyen, video, pawagam, majalah, akhbar dan sebagainya, secara tidak langsung memberi ilmu pengetahuan dan tidak ketinggalan memberi kesan negatif.

### **Pengaruh Artis**

Pengaruh artis tempatan mahupun dari luar negara turut memainkan peranan dalam masalah sosial ini. Semua perbuatan dan cara berpakaian cuba diikuti oleh peminat-peminat mereka yang mana rata-rata mereka ini terdiri daripada para remaja. Mereka terlalu meminati artis tersebut dan meletakkan artis sebagai idola mereka.

### **Faktor Sekolah**

Pihak sekolah ada kalanya bertindak sendirian sesuka hati tanpa melibatkan ibu bapa, khususnya yang menyentuh masalah yang ditimbulkan oleh murid di sekolah mahupun di luar sekolah. Pihak sekolah harus menyedari, masyarakat setempat adalah satu aset yang boleh dijadikan rakan kongsi yang berkesan untuk membantu pihak sekolah dalam menangani semua masalah yang berlaku, khususnya bagi membanteras masalah sosial dan jenayah di kalangan pelajar sekolah.

Mata pelajaran yang diajar di sekolah terlalu padat dan membebankan pelajar. Keadaan ini menyebabkan mereka tidak dapat menyiapkan tugas mereka dan ini akan mengakibatkan pelajar tidak berminat dengan guru atau mata pelajaran tersebut. Penyampaian guru yang membosankan menyebabkan mereka ponteng sekolah. Pelajar turut beranggapan bahawa peperiksaan tidak dapat mengukur kebolehan mereka dan mereka ini lebih berminat kepada kemahiran amali.

Dapatan daripada kajian yang dibuat oleh Rafiah dalam artikel Mohd. Tajudin (1995) mendapati bahawa salah satu faktor sekolah yang menyebabkan keruntuhan akhlak dan kemerosotan disiplin

adalah berpunca daripada guru disiplin yang terlalu bersikap tegas dan keterlaluhan dalam menjatuhkan hukuman ke atas pelajar tanpa melihat latar belakang keluarga dan sebab pelajar melakukan perkara tersebut.

### **Faktor Rakan Sebaya**

Pelajar menganggap peraturan atau undang-undang sekolah sebagai sesuatu yang remeh dan tidak perlu dipatuhi. Mereka akan membentuk kumpulan mereka sendiri dan mengadakan peraturan tertentu dan ahli kumpulan perlulah mematuhi. Di sini mula timbul masalah disiplin seperti peras ugut, pergaduhan, hisap rokok dan sebagainya. Biasanya apabila ahli kumpulan mereka dipukul mereka akan membalas balik secara berkumpulan.

### **Faktor Diri Sendiri**

Satu lagi faktor yang menyebabkan masalah disiplin menjadi semakin serius adalah kerana sikap pelajar itu sendiri. Mereka lebih suka bersuka ria daripada mengulang kaji di rumah. Permainan-permainan seperti *video games*, *computer games* dan sebagainya menyebabkan mereka leka dan mengabaikan pelajaran mereka.

## **FAKTOR FALSAFAH PEMBANGUNAN NEGARA**

Kalau diperhatikan falsafah dan model pembangunan negara kita sendiri pada hari ini kurang mendapat perhatian dalam mana-mana perbincangan tentang penyakit sosial ini. Inilah sebenarnya akar tunjang kepada masalah-masalah kemanusiaan yang gawat kita hadapi kini. Menurut Idris Zakaria (1997), falsafah pembangunan yang didominasi oleh falsafah liberal kapitalis di mana soal kemajuan material dan keuntungan kewangan menjadi titik hitung paling utama. Kemudian fahaman pragmatis pula turut menyokong keseluruhan agenda pembangunan tersebut.

Falsafah pembangunan jenis ini berasal dari Barat dan apabila negara dan masyarakat kita berasas dan beracukan Barat,

mereka. Ini merupakan simptom pertama para remaja terjebak dalam gejala sosial kurang sihat.

### Proses Urbanisasi

Kegiatan devians dan keruntuhan moral di kalangan remaja juga berpunca daripada proses urbanisasi dan industrialisasi yang kita alami kini. Ini kerana kedua-dua proses itu menggendurkan kawalan sosial (Gottfredson et al, 1991) yang biasanya wujud dalam masyarakat tradisi kita. Akibatnya, anggota masyarakat bebas melakukan sesuka hati.

Dalam masyarakat tradisi, hubungan antara anggota masyarakat begitu erat. Dalam sesebuah kampung misalnya, setiap orang saling mengenali, tolong-menolong dan mengambil berat antara satu sama lain sehingga budaya ini dan sebagainya mersap dalam jiwa setiap ahli kampung. Perhubungan yang sebegini erat secara tidak langsung menjadi satu bentuk kawalan sosial yang dapat memelihara, tingkah laku ahli masyarakatnya. Sesuatu perbuatan yang melanggar norma dan nilai masyarakat kampung itu akan cuba dielakkan kerana jika tidak, bukan sekadar nama diri sendiri tercemar, malah nama baik keluarga juga turut terpalit.

Pada satu ketika dahulu kempen 'Rukun Tetangga' diadakan untuk menjaga keamanan di kawasan masing-masing tetapi malangnya ramai yang telah menyalahgunakan kempen ini. Ada yang pergi sekadar untuk menandatangani buku kedatangan atau borak dan sembang-sembang kosong sehingga tiba masa untuk pulang. Siapakah yang patut dipersalahkan di sini?

Antara nilai yang kita lihat dalam persekitaran proses urbanisasi dan industrialisasi ialah nilai individualistik dan materialistik yang menyebabkan setiap anggota masyarakat membawa diri masing-masing dan tiada masa untuk mengambill tahu hal orang lain. Sikap individualistik ini menyebabkan hubungan antara satu sama lain dalam satu-satu kawasan kediaman dan kalam ada pun, ia adalah pada tahap paling minimum.

walaupun ada sedikit perubahan maka hasil dan kesannya adalah sama seperti yang berlaku di Barat. Masyarakat Barat yang selalu dilanda gejala negara sosial ini, muda-mudi yang jemu terhadap agama dan adab susila sebaliknyanya menyukai heroin, ganja, budaya disko, perjudian, arak, pelacuran yang diterima sebagai satu pekerjaan, HIV dan AIDS adalah lumrah, rukun hidup berkeluarga semakin terhadis dan manusia hanya menjadi alat pembangunan. Oleh yang demikian kita semua adalah bertanggungjawab untuk menangani masalah sosial ini. Adalah tidak adil jika ditumpukan pembetulan hanya kepada para guru sahaja sebab segitiga mana pun tanggungjawab mereka tunaikan, tetapi persekitaran sosialnya dalam banyak bidang menyajikan banyak yang bertentangan, generasi kita akan hilang arah juga. Tiuk tumpuan terbesar adalah letakkan harapan rakyat sedia membuat pembetulan falsafah pembangunan. Jika mereka tidak bersedia membuat perubahan, negara kita akan terus dilingkari penyakit sosial sepanjang zaman.

### Diri Remaja

Masalah tingkah laku juga bermula daripada remaja itu sendiri. Malas belajar juga merupakan satu sindrom penyakit yang kerap melanda para pelajar remaja tertamanya di kalangan pelajar yang merasakan diri mereka terlalu pandai. Mereka jarang memberikan perhatian terhadap pelajaran. Kesannya mereka gagal dalam peperiksaan.

Ada kala hal yang sebaliknyanya berlaku, yang mana kelambapan juga merupakan satu gejala yang serius di kalangan pelajar. Pelajar yang lembap agak tersisih daripada rakan-rakan yang lain. Oleh yang demikian mereka merasa terlalu rendah diri sehinggakan mereka malu hendak mendapatkan pertolongan daripada guru mahupun rakan sebaya, (Dukes & Larch, 1980) akhirnya, terkandas dalam pelajaran. Apabila terkandas dengan imej diri yang rendah mereka mula bertoya-foya dengan kawan yang bertikiran 'sealiran' dengan mereka (Lee, 1991) ataupun yang lebih buruk daripada

### **Pilih Kasih**

Ada kala masalah pilih kasih dalam rumah tangga menjadi sebab keruntuhan akhlak muda-mudi. Rumah tangga yang mempunyai bilangan ahli keluarga yang ramai sering dikaitkan dengan ketiadaan tumpuan secara adil oleh ibu bapa kepada anak-anak. Ini menyebabkan anak-anak yang kurang mendapat perhatian menaruh perasaan benci dan ada kala jiwa mereka tertekan. Salah satu cara melepaskan 'tekanan' yang mereka hadapi ialah dengan melepak, lari dari rumah, mencuri dan sebagainya.

Mengikut kajian Gottfredson, McNeil & Gottfredson (1991) kelemahan unit sesebuah keluarga boleh menjadi salah satu sebab timbulnya masalah salah laku di kalangan remaja. Masalah seperti kurangnya komunikasi, kasih sayang dan kemesraan antara ibu bapa dengan anak-anak serta tidak berupaya untuk mengawal tingkah laku anak akan memberi peluang kepada pengaruh atau peranan negatif yang dimainkan oleh rakan sebaya.

Pada hakikatnya kasih sayang ibu bapa bermakna lebih daripada itu; dan bukan dinilai daripada unsur-unsur materialistik seperti kewangan ataupun kemewahan sahaja. Apa yang penting ialah hubungan yang rapat antara ibu bapa dan anak di mana anak-anak tersebut dapat meluahkan perasaan atau tekanan yang dialaminya setiap hari dan mendapat maklum balas yang positif daripada pihak ibu bapa. Jika ini jarang berlaku dalam konteks kekeluargaan maka ia boleh menggalakkan lagi pencemaran budaya remaja kita pada masa kini.

### **Guru**

Mengikut kajian Salma Ishak (1985) salah satu punca masalah ialah masing-masing ibu bapa dan guru-guru selalu menyalahkan di antara kedua-dua pihak tidak menjalankan tanggungjawab sebetulnya bila timbul sesuatu masalah. Ibu bapa dan guru-guru tidak faham dengan jelas tugas dan tanggungjawab masing-masing. Apa yang boleh dilaksanakan ialah mengadakan mesyuarat yang lebih terancang antara ibu bapa dengan guru-guru supaya mengenal pasti masalah yang wujud di kalangan anak-anak.

Jika diteliti di kebanyakan sekolah, keruntuhan disiplin sering tertumpu kepada aspek yang negatif seperti cara untuk mengenal pasti dan menghukum murid tidak berdisiplin dan bukan kepada aspek yang positif seperti cara untuk mewujudkan persekitaran sekolah yang dapat menggalakkan pelajar untuk belajar dengan penuh kesopanan. Akibatnya daripada itu, murid-murid membentuk persepsi yang negatif terhadap konsep disiplin, mungkin mereka merasa takut, benci atau memberontak apabila perkataan disiplin dicetuskan. Kebanyakan sekolah sering menggunakan pendekatan pengurusan krisis (PPK) untuk mengatasi masalah keruntuhan disiplin. (Nik Aziz Nik Pa, 1990).

Namun pendekatan PPK ini hanya berkesan buat sementara waktu sahaja. Apabila kesan penindasan itu hilang dan pasti akan hilang dengan peredaran masa, maka tingkah laku yang cuba dihapuskan akan berlaku kembali. Oleh itu cara terbaik untuk mengatasi masalah keruntuhan disiplin ialah menggunakan cara bimbingan dan tunjuk ajar. Hukuman tidak dikenakan kecuali sebagai cara yang terakhir. Tegasnya pembentukan disiplin muda-mudi kaedah positif merupakan tanggungjawab bersama iaitu kedua-dua pihak sekolah, ibu bapa dan masyarakat keseluruhannya.

### **Agama**

Satu lagi punca berlakunya permasalahan di kalangan para remaja ialah tiada pendidikan agama di kalangan ibu bapa mahupun anak-anak. Ibu bapa jahil tentang agama, apatah lagi untuk mendidik anak ke jalan yang berakhlak mulia. Pendidikan agama tidak diberi kepada anak-anak. Ajaran akhlak sering diabaikan, sebagai contoh menghormati orang tua, sembahyang, beradab dan sebagainya dipandang ringan oleh sesetengah ibu bapa. Walhal mengikut kajian Michelle, Thomas, Sinyangwe (1989), mendapati ajaran agama boleh menjadi sebagai pelita atau satu regangan moral dalam diri remaja agar mereka dapat berfikir sebelum melakukan sesuatu yang tidak bermoral. Rumusnya, pendidikan sivik dan agama boleh, dan akan mempengaruhi cara pemikiran remaja dan seterusnya tingkah laku sosial mereka.

\*berdasarkan teori-teori tersebut:

**Teori Ketegangan (Strain Theory)**

Teori ini telah dipelopori oleh Robert Merton dan kemudian nya Albert Cohen pula mencipta teori kenakalan remaja yang merupakan penyumbang kepada idea-idea Merton. Teori ini melihat delinkuen sebagai akibat daripada perasaan kekecewaan individu apabila mereka tidak berupaya mencapai matlamat yang diinginkan. (Bartollas, 1997, m.s. 139)

**Teori Differential Association**

Teori ini diperkenalkan oleh Edwin H. Sutherland. Menurut beliau, kenakalan adalah tingkah laku yang boleh dipelajari daripada orang lain. Dalam hal ini, tingkah laku tersebut berlaku apabila dalam situasi komunikasi dengan orang yang rapat dalam sesuatu kumpulan secara berterusan dan mengalami perubahan tingkah laku secara beransur-ansur.

**Teori Kawalan**

Teori ini mempunyai fakta asasnya iaitu manusia itu perlu selalu ditegur dan dikawal jika keadaan kecenderungan ke arah delinkuen sangat tererakan. Teori kawalan juga secara amnya berse-tuju bahawa delinkuen itu terhasil daripada terdapatnya kekurangan dalam sesuatu perkara. Remaja terlibat dalam tingkah laku delinkuen disebabkan tidak terdapat suatu daya kawalan ke atas diri mereka. (Bartollas, 1997, m.s. 175) Berkaitan dengan teori ini, ter-dapat beberapa sarjana yang menekankan tentang teori kawalan dalam teori mereka seperti Albert J. Reiss dengan teori personal dan kawalan. F. Ivan Nye pula dengan teori fokus keluarga. Manakala Walter C. Reckless dalam teorinya *Containment Theory* dan *Traves Hiashi* dengan teori kawalan sosial. Dalam teori *Containment Theory* menjelaskan bahawa tingkah laku memerlukan dua kawalan iaitu sistem dalam dan luaran. Justeru suatu pendekatan perlu diketengahkan bagi mengawal golongan remaja secara dalam

Berdasarkan kepada faktor-faktor yang dinyatakan, jelas menunjukkan bahawa remaja terlibat dalam masalah sosial

## TEORI KENAKALAN REMAJA DAN PENDEKATAN MENGATASINYA

Pengaruh media massa ke atas gelagat sosial remaja sememangnya ketara, maksudnya media massa adalah surat khabar, majalah, radio, televisyen dan tayangan video. Ini semuanya di samping majalah-majalah Barat yang kadangkala memaparkan gejala-gejala seperti kegemasan masyarakat, video lucah dan budaya hidup yang tidak putus-putus diamati oleh para remaja.

Kesemuanya jika diteliti menjadi bahan bacaan, tatapan yang amat digemari oleh remaja. Tanpa unsur-unsur yang megatf ini mereka mcrasakan seperti tidak ada 'unmph' dalam media cetak dan media elektronik yang mereka baca, lihat atau dengar. Kajian Kasrini (1987) menunjukkan faktor-faktor yang menyebabakan kanak-kanak menjadi ganas adalah seperti berikut: Bentuk komunikasi yang sedia ada dalam keluarga; Tahap kegemasan yang telah ada pada kanak-kanak; dan Program televisyen yang mempengaruhi tindakan kanak-kanak.

Seterusnya kajian oleh Larry & Rose (1986) menunjukkan bahawa televisyen merupakan satu alat yang boleh memberi kesan kepada tingkah laku remaja. Remaja yang banyak menonton televisyen akan meniru gelagat yang disarankan.

Selain daripada itu kajian James, Foc & Breed (1988) menunjukkan bahawa secara puratanya, para remaja menghabiskan sejumlah 24 jam seminggu menonton televisyen. Oleh yang demikian, maklumat yang diterima oleh deria mereka akan masuk ke minda dan undakan mereka juga tidak lari daripada apa yang terkandung dalam otak mereka. Dengan yang demikian, media massa harus diberikan perhatian agar kandungan yang disiarkan adalah yang berbentuk positif dan proaktif dalam mengatasi pence- maran budaya remaja.

Media Massa

dan luaran iaitu:

Pertama ialah pendekatan akademik. Ini boleh dilakukan dengan menambahkan lagi aktiviti-aktiviti berteraskan akademik dan separa akademik seperti kegiatan kokurikulum di sekolah-sekolah. Begitu juga dengan cara perubahan teknik-teknik pengajaran seperti penggunaan komputer, video, bantuan alat pandang dengar yang lain dan teknik pengajaran luar kelas. Ini sedikit sebanyak dapat mengurangkan beban pembelajaran dan tekanan yang dihadapi oleh para pelajar di sekolah (Case, 1985). Strategi ini boleh menarik minat pelajar remaja untuk menghabiskan lebih banyak masa di sekolah daripada di luar sekolah yang tidak memanfaatkan perkembangan mereka.

Kedua ialah mengenai aspek perundangan di sekolah. Strategi ini harus diberikan tumpuan kerana ini dapat mengurangkan penglibatan pelajar dalam berbagai-bagai kegiatan disiplin atau jenayah di sekolah. Dengan wujudnya aspek perundangan seperti ini, ia akan dapat menimbulkan rasa takut di kalangan pelajar di samping dapat mengurangkan beban dan tanggungjawab pihak sekolah dan ibu bapa dalam pengawasan disiplin. Namun ia perlu dikaji dengan mendalam kerana cara ini mungkin melibatkan kos yang tinggi dalam menambahkan unit kawalan tambahan dan mungkin ada penentangan daripada ibu bapa, memandangkan langkah hukuman itu mungkin terlalu berat dan tidak adil untuk remaja mereka.

Satu lagi langkah pencegahan yang baik ialah khidmat nasihat. Kaunseling di sekolah memainkan peranan penting dalam membantu remaja mengatasi masalah mereka. Di samping itu kaunseling juga boleh dilaksanakan sebagai penunjuk arah kerjaya yang patut dituju oleh remaja. Selain itu para guru kaunselor di sekolah-sekolah juga boleh menganjurkan 'peer kaunseling' di kalangan pelajar-pelajar. Ini adalah jalan yang baik untuk membantu hubungan yang sihat di kalangan remaja dan memupuk rasa tanggungjawab di antara satu sama lain. Menurut kajian seperti yang dicatatkan dalam Cohen (1975) dan Phelps (1976), remaja lebih mudah meluahkan

masalah mereka di kalangan rakan sebaya dengan mereka. Oleh itu program ini bermanfaat jika dirancang dengan teliti dan mengambil mereka yang berpengalaman dan mempunyai asas-asas kaunseling remaja untuk menganjurkan dan memantapkan program tersebut.

Lanjutan daripada itu, golongan remaja perlu dibantu dan diberi perhatian kerana masa remaja adalah zaman 'pergolakan' yang amat serius. Pertumbuhan jasmani yang berlaku pada ketika baligh banyak mempengaruhi jiwa, perasaan dan fikiran para remaja (Chais, 1976). Ini menyebabkan mereka menghadapi banyak masalah untuk menyesuaikan diri dengan keadaan yang berubah dan membentuk identiti diri.

Bagi strategi umum, satu pendekatan yang wajar ialah melalui ceramah-ceramah sivik yang boleh dilakukan di peringkat sekolah. Walaupun demikian, adalah wajar jikalau program ceramah sivik ini melibatkan ibu bapa. Sebagai contoh, pada Hari Ibu Bapa dan Guru yang diadakan setiap tahun, ceramah-ceramah boleh memberikan keterangan yang jelas tentang peranan ibu bapa dalam usaha mengeratkan hubungan kekeluargaan. Di samping itu pengetahuan agama harus ditekankan di dalam ceramah-ceramah ini kerana lazimnya pengetahuan agama akan memberi satu garis panduan bagi individu untuk bertindak. Di samping pengetahuan agama, keterangan mengenai diri dan cara-cara bersosialisasi harus disampaikan kepada para remaja dan juga ibu bapa. Penglibatan ibu bapa adalah penting supaya anak, pendidik dan ibu bapa semua berada pada gelombang persefahaman yang sama dan dapat mengeratkan lagi hubungan.

Sehubungan dengan itu, terdapat banyak surat pekeling yang bertujuan memberi panduan kepada guru besar dan para guru mengenai pengurusan disiplin pelajar. Namun, secara umumnya, disiplin pelajar di sekolah-sekolah didapati semakin merosot sejak kebelakangan ini. Mungkin surat-surat panduan ini tidak diberikan perhatian yang serius. Ada pula guru-guru yang tidak bekerjasama dalam menguruskan soal-soal yang berkaitan dengan disiplin, kurang rasa tanggungjawab dan hanya mempunyai tanggapan

gram atau aktiviti yang diadakan di pusat-pusat latihan belia remaja akan membekalkan kemahiran-kemahiran tertentu agar para remaja dapat menggunakan kemahiran demi kepentingan diri mereka. Di samping kemahiran, pusat-pusat ini juga boleh memberikan ceramah-ceramah, kelas-kelas bimbingan agama serta rekreasi-kekreasi sukan yang diperlukan untuk perkembangan sahlah remaja. Seterusnya pertukaran belia antara negeri dan juga antara negara yang diadakan dapat menambahkan pengetahuan dan pengalaman para remaja.

Terdapat 86 Jawatankuasa Kebajikan Juwana di seluruh negara dengan, keahlian 1,009 orang. Melalui jawatankuasa-jawatankuasa ini semua kegiatan untuk membantu remaja dapat dirancang dengan sempurna dan diwujudkan dari semasa ke semasa.

Buat masa kini juga, sudah pun wujud satu jawatankuasa yang dibentuk antara Polis Diraja Malaysia dengan Jabatan Pendidikan Negeri untuk memerhatikan perkembangan aktiviti-aktiviti pelajar dari semasa ke semasa dan mengambil langkah-langkah yang patut sebelum pelajar-pelajar terjebak dalam apa-apa aktiviti yang menyalahi undang-undang. Namun keberkesanan jentera ini boleh dipertingkatkan lagi dengan membuat kajian dari semasa ke semasa tentang aktiviti, program serta pelaksanaannya dalam menangani masalah keruntuhan akhlak remaja.

Juga, program pemuliharaan dalam komuniti dan pemuliharaan di institusi di bawah Jabatan Kebajikan Masyarakat harus dikaji dari semasa ke semasa agar perancangan dan program-programnya adalah selaras dengan kehendak dan persekitaran remaja. Peranan media juga harus diberikan perhatian yang serius dalam usaha membendung gejala yang tidak sihat ini. Media cetak dan elektronik lebih mudah menganjurkan program yang berkaitan dengan personaliti remaja yang berjaya. Remaja yang berjaya dalam satu lapangan boleh memberi contoh yang positif kepada remaja secara keseluruhannya. Gambar-gambar remaja yang berjaya di samping dapat menjadi daya penarik kepada para pembaca juga boleh merangsang pembaca remaja agar turut berjaya dalam

Satu lagi aspek pencegahan yang harus diberikan perhatian ialah penglibatan remaja dalam pusat kegiatan bella di mana semua aktiviti telah dirancang dengan teliti dan teratur. Dengan itu pro-kepentingan masyarakat.

dan sikap 'tidak apa atau tidak ambil tahu' perlu diubah demi masyarakat. Kawalan sosial perlu diwujudkan di kalangan penduduk kerana masalah akhlak remaja atau pelajar merupakan masalah anggota masyarakat umum kepada ketua masyarakat amadah perlu menyelesaikan kes-kes disiplin. Penglibatan semua pihak daripada pengaruh perlu dihubung untuk membantu dan bekerjasama bagi pemimpin politik, pemimpin bella dan orang-orang yang berpe-pemimpin-pemimpin tempatan seperti penggawa, penghulu, dan guru tetapi merupakan masalah masyarakat. Dengan itu Masalah jenayah pelajar bukanlah masalah pelajar, ibu bapa

memujuk kesedaran sivik.  
ngan mengenai masalah kehidupan remaja serta kempen wasaan. Ini boleh dilakukan melalui ceramah dan majlis penceramasalah dan kesulitan yang mereka hadapi sebelum mencapai kedepan perlu diberi pencerangan yang jelas mengenai alam remaja, nilai yang positif pada diri individu berkenaan. Oleh itu para pelarane kecil-kecil lagi akan sedikit sebanyak dapat mewujudkan sikap dan rana pendidikan moral disampaikan kepada seseorang itu sejak ia dan seterusnya akan mempengaruhi nilai-nilai sosialnya. Oleh ke-engaruh sangat besar dalam mencorak sikap dan akhlak seseorang nilai akhlak dan moral yang baik. Pendidikan moral memberi perana ia merupakan wadah yang paling baik untuk menetapkan nilai-Ada kala sistem pendidikan negara dijadikan sasaran utama ke-hak dan tanggungjawab mengambil tindakan disiplin yang betul.

dan seumpamanya bagi memastikan mereka faham mengenai hak-lumat itu kepada guru-guru menerusi sesi perbincangan, bengkel-biran sekolah harus memastikan bahawa sekolah menyalurkan mak-pelajar terhadap konsep dan pelaksanaan disiplin. Justeru, pentad-sikap guru yang negatif juga mempengaruhi sikap dan tanggapan-bahawa pelajar adalah punca utama masalah disiplin. Mungkin

kegiatan yang mereka sendiri ceburi. Oleh itu, pihak penerbit, terutama sekali yang mempunyai sasaran pembaca remaja hendaklah lebih sedar dan peka akan tanggungjawab sosial untuk menerbitkan lebih banyak bahan bacaan yang bercorak pengetahuan untuk melahirkan golongan remaja yang bertanggungjawab dan mempunyai sifat-sifat yang baik.

## KESIMPULAN

Matlamat utama Wawasan 2020 adalah untuk membina sebuah negara maju tanpa mengabaikan nilai agama dan moral. Namun, kalau dilihat antara idealisme masa depan dengan realiti masa kini terdapat jurang yang besar di mana jumlah masalah sosial di kalangan remaja kita hari ini (yang bakal menerajui negara kita) adalah semakin meningkat. Nampaknya semakin maju kita, semakin luntur pula nilai moral dan etika masyarakat. Justeru, dalam kehairahan merancang dan merencana pelbagai projek raksasa agar negara kita seiring dengan era ledakan informasi dan pembangunan industrialisasi yang mantap, kita seharusnya tidak meminggirkan projek raksasa dalam pembinaan insan.

Lebih-lebih lagi kita sebagai anggota masyarakat yang sentiasa melaung-laungkan slogan masyarakat penyayang tidak sewajarnya hanya menggeleng-gelengkan kepala apabila mendengar berita gejala cemar ini tetapi harus turut sama menyingsing lengan turun ke gelanggang pemulih dan membanteras gejala ini daripada menular menjadi budaya hidup remaja kita.

Memandangkan masalah sosial di kalangan pelajar/remaja kita hari ini bukan sahaja disebabkan oleh salah guru tetapi juga disebabkan oleh faktor-faktor lain seperti faktor sosial - ibu bapa, kurang didikan agama, pengaruh budaya Barat dan artis-artis; faktor sekolah, pengaruh rakan sebaya, mahupun diri sendiri. Maka semua pihak yang bertanggungjawab seharusnya melaksanakan suatu reformasi secara holistik dengan merangka strategi atau program yang bersistematik, bersepadu dan menyeluruh untuk

memulihkan suasana gawat ini. Program-program sedemikian harus disegerakan secepat mungkin dan diharapkan semua pihak dengan keinsafan jadikanlah pendidikan remaja kita sebagai satu agenda masyarakat yang besar yang tidak seharusnya kita ambil mudah apalagi mengabaikannya. Sayangilah masa depan mereka kerana masa depan mereka adalah di tangan kita.

Melihat kepada permasalahan dan gejala sosial yang melanda para pelajar dan remaja kita pada hari ini amatlah membimbangkan. Tindakan untuk mengawalinya sudah sampai ke tahap yang dianggap terdesak. Pertaruhannya adalah masa depan negara dan generasi Malaysia. Walaupun sudah banyak kajian dilakukan oleh pelbagai pihak mengenai sikap dan tingkah laku pelajar dan remaja tetapi kajiannya lebih bersifat tujuan akademik dan tertumpu kepada punca masalah dan biasanya bersifat umum sahaja. Disebabkan terlalu banyak punca yang diramalkan, tindakan untuk membendung masalah tidak lagi berfokus.

Meskipun ada cadangan mengenai cara mana mengatasi masalah, namun ia hanya berakhir di meja perbincangan, forum atau seminar. Memang ada program yang dirangka untuk remaja dan pelajar tetapi ia hanya memberi manfaat kepada segelintir mereka sahaja dan lebih bersifat komersial. Ibu bapa, guru-guru dan masyarakat perlulah berganding bahu dan bekerjasama dalam memikul tanggungjawab mendidik anak-anak dan para pelajar. Sebagai masyarakat mikro, sekolah sepatutnya mempunyai ciri-ciri yang ada dalam masyarakat makro. Oleh itu adalah wajar supaya pelajar didedahkan akan kesan buruk dalam masyarakat melalui interaksi mereka di sekolah. Kerajaan juga perlu melancarkan satu kempen yang menyeluruh untuk menyedarkan remaja dan pelajar supaya menghindarkan diri dalam apa jua bentuk gejala buruk yang boleh merosakkan diri dan nama baik keluarga mereka. Golongan ini juga perlu didedahkan dengan pengetahuan undang-undang agar mereka gementar dengan hukuman.

Pelajar dan remaja adalah kumpulan masyarakat yang bakal mencorakkan masa depan negara. Mereka adalah aset kekayaan

semula jadi yang bakal memegang peranan penting dalam politik, ekonomi dan kemasyarakatan di negara ini. Namun demikian, masalah akhlak di kalangan remaja adalah salah satu daripada ancaman kepada sumber tenaga manusia yang akan merugikan negara dalam jangka masa panjang. Oleh itu segala masalah sosial yang dihadapi oleh para remaja harus dibendung dan diatasi supaya ia tidak terus mewujudkan ancaman besar terhadap aset yang tidak ternilai ini.

## BIBLIOGRAFI

### Buku-buku Rujukan

- Baron, R. A. (1977). *Human Aggression*. New York: Plenum.
- Bettleheim, B. (1950). *Love is not enough*. New York: Free Press.
- Case, R. (1985). *Intellectual Development: Birth to Adulthood*. New York: Academic Press.
- Chais, GJ. (1976). *Human Development*, Englewood Cliffs, NJ: Prentice Hall.
- Cohen, A. K. (1975). *Delinquent Boys*. New York: The Free Press.
- Csikszentmihalyi, M. (1987). *The pressured world of Adolescence*, Education of Horizons, 65(3).
- Ibrahim Saad. (1982). *Isu Pendidikan Di Malaysia*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- James R. D., Foe. W., and Breed, W. (1988). *Youth and alcohol in televisyen stories, with suggestions to the industry for alternative potrayals.*: Adolescence, 23 (91).
- Keney, H. H. ( 1979). *Personal Relationships*. Hinsdale, N. 1: Lawrence Erlbaum.
- Kornblum, William. (1995). *Social Problems*. Prentice Hall: Simon and Schuster Company, New Jersey.
- Larry E. G., and Rose, P. (1986). *Social Implications of music video for youth. An analysis of the content and effects of MTV. Youth & Society*, 18.
- Mahmood Nazar Mohamed. (1991). *Pengantar Psikologi*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Michelle, C., Thomas, R. M., and Sinyangwe, I. M. (1989). *Adolescent Conceptions of MORAL: Haiti, The United States, and Zambia*. Youth and Society, 21 (2)
- Phelps, T. R. (1976). *Juvenile Delinquene. A Contemporary View*. Santa Monica, Ca: Goodyear Publishing Company Inc.